

GAMBARAN KEHIDUPAN MASYARAKAT BANDAR DI LEMBAH KELANG DALAM NOVEL *RUMAH KUPU-KUPU*

CHE ABDULLAH BIN CHE YA *
cheabd@ukm.edu.my

NIK KHAIRUL AKMAR BIN NIK YEH
nikakmar6460@gmail.com

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Novel *Rumah Kupu-kupu* karya S.M Zakir pada tahun 2020 oleh Penerbit Nusa Centre. Novel ini mengisahkan tentang kehidupan masyarakat bandar pada masa sekarang dan akan datang. Kehidupan di kota yang bersifat individualisme makin parah jadinya apabila teknologi maklumat meresap masuk ke dalam jiwa dan masyarakat. Objektif kajian ini adalah Melihat bagaimana kehidupan masyarakat bandar tentang nilai hidup, sikap dan tingkah laku sesebuah masyarakat digambarkan oleh pengarang dalam *Rumah Kupu-kupu*. Penelitian akan menggunakan teori sosiologi sebagai landasan kajian melihat dua aspek utama masyarakat iaitu sosiobudaya dan sosioekonomi. Hasil penelitian mendapati pengarang menggambarkan kehidupan masyarakat bandar yang tinggal di apartment dan tidak berinteraksi antara satu dengan lain yang menyebabkan hilangnya semangat kejiwaan dan berkembangnya sikap pentingkan diri dalam kalangan masyarakat. Pengarang juga membincangkan masyarakat yang kurang berminat membaca buku serius dan menikmati seni berfikir yang menyebabkan buku kehilangan pembaca dan masyarakat lebih gemar kepada aktiviti bercorak hiburan daripada pendidikan. *Rumah Kupu-kupu* juga menggambarkan masyarakat bandar yang terhimpit dengan kos sara hidup dan cabaran ekonomi dan masyarakat yang tidak menjaga kepentingan bersama dan alam sekitar. Hasil penelitian mendapati kehidupan masyarakat bandar akan mengubah normal hidup masyarakat sebelumnya dan dengan kedatangan digital situasi ini akan bertambah teruk. Kehidupan menjadi seperti rama-rama yang hidup dalam kepompong masing-masing.

Kata kunci: Individualisme; kota; kupu-kupu; masyarakat bandar; teknologi maklumat

REFLECTION OF URBAN COMMUNITY LIFE IN THE KELANG VALLEY IN THE NOVEL *RUMAH KUPU-KUPU*

ABSTRACT

The novel *Rumah Kupu-kupu* by Nusa Centre Publishers. This novel talk about the life of the urban community in the present and the future. Life in the individualistic city becomes worse when information technology seeps into the soul and society. The objective of this study is to see how the life of the urban community about the life values, attitudes and behavior of a society is described by the author in *Rumah Kupu-kupu*. The research will use sociological theory as the basis of the study looking at two main aspects of society, namely socio-cultural and socioeconomic. The results of the research found that the author describes the lives of urban people who live in apartments and do not interact with each other, which causes the loss of neighborhood spirit and the development of self-importance among the community. The author also discusses the society that is less interested in reading serious books and enjoying

the art of thinking which causes books to lose readers and the society is more fond of entertainment activities than education. Rumah Kupu-kupu also depicts an urban society squeezed by the cost of living and economic challenges and a society that does not take care of the common interests and the environment. The results of the research found that the life of the urban community will change the normal life of the previous community and with the advent of digital this situation will worsen.

Keywords: Individulism; city; butterfly, urban society; information technology

PENGENALAN

Novel *Rumah Kupu-kupu* karya Syed Mohd Zakir Syed Othman (S.M Zakir) pada tahun 2020 mengisahkan tentang kehidupan masyarakat bandar pada masa sekarang dan akan datang. Kehidupan di kota yang sememangnya diketahui bersifat individualisme semakin parah jadinya apabila teknologi maklumat meresap masuk ke dalam jiwa masyarakat. Hai inilah yang diangkat oleh S.M. Zakir melalui novel ketiga beliau ini. Novel yang diterbitkan oleh Nusa Centre pada tahun 2020 ini antara lain memaparkan kehidupan sekelompok masyarakat dalam sebuah perumahan yang terdiri daripada beberapa pangsapuri (*apartment*). Novel ini menggambarkan masyarakat yang hidup terpisah dan membuat hal masing-masing. Mereka memiliki dunia mereka yang tersendiri dan tidak mempunyai sebarang keperluan untuk keluar dari dunia sebenar. Masyarakat dalam novel ini diperlihatkan keluar dari kediaman mereka untuk bekerja dan mereka akan kembali setiap senja atau malam untuk pulang ke rumah masing-masing. Walaupun tinggal di satu kawasan kejiranan pangsapuri, masyarakat di dalam novel ini tidak menghiraukan antara satu sama lain malah tidak bertegur sapa jika berselisih. Masing-masing membuat hal mereka sendiri sehinggakan ada jiran yang baru masuk, jiran yang sudah berpindah dan jiran yang meninggal dunia tidak ambil tahu. Kehidupan mereka ibarat kepompong rama-rama yang hidup dalam sarang masing-masing terpisah dan jauh daripada orang lain.

Novel ini memaparkan kehidupan manusia kota dengan pelbagai permasalahan. Justeru itu kajian ini akan menggunakan teori sosiologi sastera sebagai kaedah kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan sosiologi sastera dalam kajian novel ini bertujuan untuk menjelaskan pandangan pengarang mengenai masyarakat dunia sekarang yang seolah-olah berada dalam kepompong masing-masing. Sosiologi sastera adalah cabang penelitian sastera yang bersifat reflektif. Pendekatan ini banyak diminati oleh peneliti yang ingin melihat karya sastera sebagai cerminan daripada kehidupan masyarakat.

Secara umum sosiologi dapat dikatakan sebagai telaah objektif tentang manusia dan masyarakat yang mencangkup proses-proses sosial yang ada di dalamnya. Dari proses ini maka akan dapat diketahui bagaimana suatu individu dapat berinteraksi terhadap komunitinya serta mekanisme sosialnya sehingga ia dapat diterima dalam suatu perilaku tertentu. Sehingga sosiologi secara ringkas dapat difahami sebagai disiplin yang bertujuan untuk mengkaji perilaku manusia, pembentukan satu struktur sosial dan kesepakatan bersama dalam ekonomi, politik, budaya dan lain-lainnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Kajian ini adalah melihat bagaimana kehidupan masyarakat bandar tentang nilai hidup, sikap dan tingkah laku sesebuah masyarakat digambarkan oleh pengarang dalam *Rumah Kupu-kupu*.

SOROTAN KAJIAN

Penelitian terhadap pendekatan sosiologi sastera telah menemukan beberapa hasil kerja ilmiah pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan gambaran masyarakat dalam aspek sosial. Antaranya, Jamalia Hassan dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Citra Masyarakat dalam Novel-novel Penulis Wanita Mutakhir” (sesi 1991/1990), melihat sejauh manakah citra atau imej masyarakat digambarkan di dalam karya sastera yang berbentuk novel dan bagaimana ianya berjaya meninggalkan kesan kepada khalayak. Rahisham Zaid Ramli (sesi 2000/2001), menerusi latihan ilmiahnya yang bertajuk “ Novel-novel Ali Jusoh Analisis Sosiologi Suami, Trisula dan Belahan Mimpi”. Daripada perspektif sosiobudaya, memperlihatkan kewujudan aspek budaya yang membawa beberapa persoalan atau isu yang bersifat semasa atau sejagat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menganalisis kehidupan masyarakat bandaran yang digambarkan oleh pengarang dalam novel *Rumah Kupu-kupu*. Penelitian akan menggunakan teori sosiologi memandangkan teori ini berkait rapat dengan masyarakat. Sosiologi pada prinsipnya dilihat bahawa sastera sebagai cerminan masyarakat. Konsep cermin dalam sosiologi menganggap sastera sebagai tiruan masyarakat. Pada prinsipnya Laurensen dan Swingewood (1972) dalam buku *The Sociology of Literature* (1972: 11-12) membincangkan hubungan antara sosiologi dan sastera. Menurut Laurensen dan Swingewood, sosiologi adalah pendekatan ilmiah yang menekankan analisis secara objektif tentang manusia dalam masyarakat, tentang lembaga kemasyarakatan dan proses-proses sosial. Mengenai sastera pula Laurensen dan Swingewood menyatakan sastera juga terkait dengan dunia kemasyarakatan itu dan keinginannya melakukan perubahan terhadap dunia kemasyarakatan. Berdasarkan pendapat ini dapat dilihat bahawa antara sosiologi dan sastera memiliki persamaan dalam hal objek atau sasaran yang dibicarakan. Objek dan sasaran yang dimaksudkan adalah manusia dalam masyarakat serta segala aspek yang berkaitan dengan masyarakat itu.

Melalui konsep sosiologi menurut Laurensen dan Swingewood juga terdapat tiga perspektif yang berkaitan dengan sosiologi sastera iaitu, perspektif yang paling popular adalah penelitian yang memandangkan karya sastera sebagai dokumen sosial yang di dalamnya merupakan refleksi situasi pada saat karya sastera tersebut muncul. Kedua, pendekatan yang mengungkap sastera sebagai cermin situasi sosial oleh penulisnya. Ketiga, penelitian yang menilai penerimaan masyarakat terhadap suatu karya sastera di waktu tertentu. Ketiga-tiga perspektif ini dapat berdiri sendiri atau diungkap sekaligus dalam penelitian sosiologi sastera. Penggunaan perspektif sosiobudaya lebih menyerlah dalam kadungan cerita novel *Rumah Kupu-kupu* ini. Oleh itu, analisis perspektif sosiobudaya masyarakat dengan menggunakan teori Sosiologi akan digunakan dalam penelitian ini.

RUMAH KUPU-KUPU DARIPADA PERSPEKTIF SOSIOLOGI

Novel *Rumah Kupu-kupu* banyak memaparkan kehidupan masyarakat Bandar seperti tidak berinteraksi antara satu dengan lain, Kehidupan masyarakat yang tinggal di apartment dan tidak

berinteraksi antara satu dengan lain, masyarakat yang kurang berminat membaca buku serius dan menikmati seni berfikir, masyarakat bandar yang tenggelam dalam teknologi, masyarakat yang terhimpit dengan kos sara hidup dan cabaran ekonomi dan masyarakat yang tidak menjaga kepentingan awam dan kebersihan alam sekitar.

Masyarakat Yang Tinggal di Apartment dan Tidak Berinteraksi Antara Satu Dengan Lain

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, Malaysia banyak dipengaruhi oleh konsep perancangan dan pembangunan perumahan yang diadaptasikan daripada pelbagai negara lain. Walaupun pembangunan dari aspek perumahan telah lama berkembang maju di tempat lain di dunia ini seperti di negara-negara maju, namun Malaysia yang merupakan negara sedang membangun juga dilihat semakin pesat membangunkan perumahan yang dijalankan mengikut arus masa dan kemodenan. Perkara yang menjadi fokus perbincangan ini ialah berkenaan penempatan yang dipanggil apartment. Penempatan apartment sebenarnya semakin diterima oleh masyarakat Malaysia dan menggalakkan profesional dalam pelbagai bidang yang secara tidak langsung terlibat dengan pelaksanaan kepada pemajuan komuniti apartment di negara ini terutamanya di pusat-pusat bandar.

Sekitar tahun 2004, kebanyakkan daripada penempatan setinggan sekitar Kuala Lumpur telah dirobohkan dan apartment yang pelbagai kos bagi setiap unit telah dibina bagi menyelaraskan perancangan pembangunan yang lebih teratur di ibu kota Kuala Lumpur. Ini berikutan matlamat kerajaan ke arah penempatan setinggan sifar pada tahun 2005 (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2003). Seperti dalam novel yang dikaji, pengarang mengolah cerita berkenaan masyarakat yang tinggal di apartment di ibu kota. Masyarakat yang menghuni apartment tersebut mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi pekerjaan, nilai kemanusiaan dalam diri, umur, dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Jika didarab tiga blok maka terdapat 504 unit semuanya. Setiap unit mempunyai tiga bilik, jika purata ia didiami oleh seorang penghuni setiap bilik maka sekurang-kurangnya terdapat 1500 orang penghuni di tiga blok yang tercacak seperti raksasa kaku yang terpancul keluar dari bumi”.

(S.M Zakir, 2020: 146)

Pengarang menggambarkan tentang sosiobudaya masyarakat yang tinggal di apartment yang mana terdapat pelbagai jenis latar belakang sama ada pelajar, atau pekerja yang menghuni apartment tersebut. Mereka ini mempunyai rutin harian masing-masing sehinggakan jiran-jiran yang menghuni apartment sama tidak mengenali antara satu sama lain. Novel ini juga jelas memperlihatkan keinginan pengarang menyampaikan kepada pembaca berkenaan struktur apartment serta jumlah masyarakat yang menghuni di kawasan tersebut. Jumlah penghuni yang besar ini dapat memperlihatkan gelagat sosiobudaya masing-masing samada berketepatan dengan masyarakat yang berakal serta baik akhlakunya ataupun masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak mempedulikan mengenai hubungan antara manusia.

Interaksi sosial adalah penting dalam sebuah negara berbilang etnik dan latar belakang kehidupan yang berbeza. Melalui interaksi sosial yang baik, perpaduan negara akan terjamin. Peristiwa 13 Mei 1969 serta peristiwa Kampung Medan 12 Mac 2001 seharusnya dijadikan pedoman kepada masyarakat supaya perkara yang sama tidak berulang lagi. Peristiwa tersebut merupakan cetus daripada sikap prejudis dan saling tidak mempercayai antara etnik beserta dengan polarisasi dan jurang sosial yang diwarisi semenjak sebelum merdeka (Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ho Hui Ling, Lee Yok Fee,

Najeemah Mohd Yusof & NazriMuslim, 2017). Perpaduan dan interaksi sosial perlu bermula semenjak awal lagi. Institusi keluarga, sekolah dan pekerjaan boleh dijadikan medium kepada pemantapan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. Interaksi sosial merujuk kepada cara bagaimana seseorang individu itu bertindak balas antara satu sama lain. Ia boleh berlaku secara berhadapan, melalui telefon ataupun melalui komputer (Schaefer, RT : 2005). Terdapat pelbagai usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam memastikan wujudnya interaksi sosial dalam kalangan rakyat di Malaysia

Berdasarkan novel yang dikaji, dapat dilihat bahawa pengarang mengetengahkan masyarakat bandar yang kurang berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini kerana kesibukan masing-masing dengan kerja seharian sehinggakan tidak sempat mengenali atau berinteraksi antara satu sama lain malah jiran tetangga yang tinggal berhampiran turut tidak berinteraksi. Mereka beranggapan bahawa tidak ada keperluan untuk berinteraksi antara mereka kerana masing-masing hidup dalam dunia masing-masing. Mereka tidak pernah menilai kebaikan atau kelebihan dalam berinteraksi antara jiran tetangga atau masyarakat sekeliling. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Entah berapa ratus kediaman dan berapa ratus jiwa di bangunan kediaman yang bersusun seperti papan domino ini, tetapi semuanya sunyi. Kehidupan di sini seperti cerita di filem bisu. Bergerak tanpa bunyi. Selama lima tahun dia tinggal di sini dia tidak pernah mengenal dan tahu siapa jirannya. Mereka saling terserempak di lif atau di lorong unit atau di laluan perjalanan bawah atau di laluan kolam mandi atau di laluan taman hijau tetapi mereka tidak bertegur dan saling mengenal. Setiap dari mereka tidak melihat apa-apa keperluan untuk mengenali sesiapa di sini. Masing-masing hidup dalam dunia mereka yang dan tidak mempunyai keperluan untuk keluar dari dunia keakuan mereka”.

(S.M Zakir, 2020: 4-5)

“Hidup di bangunan yang mengisi unit-unit kediaman ini seperti hidup dalam kotak-kotak yang disusun untuk mengisi kehidupan yang saling terasing. Kehidupan saling terpisah jauh walaupun hanya dipisahkan oleh sebaris dinding kedap bunyi. Keterpisahan ini menjadikan kehidupan mengecil dalam kotak-kotak batu. Tiada interaksi antara kehidupan di sini”.

(S.M Zakir, 2020: 77)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dilihat bahawa masyarakat tidak berinteraksi antara satu sama lain. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu* ini, pengarang menggunakan watak Dia sebagai salah seorang watak yang berlegar dalam penceritaan novel ini. Dia merupakan seorang pereka grafik dan merupakan salah seorang penghuni apartment. Beliau dikelilingi jiran-jiran yang kurang berinteraksi antara satu sama lain. Apartment yang dihuninya terdiri daripada 504 unit di tiga blok, A, B dan C dengan lebihkurang 1500 penghuni, namun setiap kali mereka terserempak atau berselisih di kawasan apartment tersebut, mereka seolah-olah tidak nampak antara satu sama lain, tidak ada teguran atau sapaan terjadi.

Interaksi antara jiran amat penting kerana kita dapat mengetahui lebih banyak informasi mengenai kawasan sekeliling perumahan yang kita diami apabila saling berkongsi maklumat. Selain itu interaksi antara jiran juga mempunyai kebaikan kerana ianya akan mengeratkan hubungan silaturrahim antara manusia. Selain hubungan kita dengan Allah S.W.T wajib dijaga, hubungan kita dengan manusia juga sangat penting supaya komuniti setempat akan lebih bahagia dan aman sejahtera. Kurangnya intraksi antara satu sama lain ini menyebabkan hilangnya semangat kejiranan.

Kejiranan didefinisikan sebagai hubungan erat dalam kalangan masyarakat yang hidup berbaik-baik, bertolak ansur, tolong-menolong dan bekerjasama dengan jiran tetangga. Jiran ialah orang yang tinggal berdekatan dengan rumah kita. Masyarakat yang mengamalkan sikap kejiranan dapat mewujudkan suasana harmoni dan aman. Hubungan kejiranan bagaikan isi dengan kuku, umpama dakwat dan kertas mencetuskan toleransi dan keharmonian hidup. Hal ini juga membantu negara dalam usaha membangun dan memajukan negara kita. Peranan setiap individu terhadap jiran adalah sangat penting.

Jiran juga bukan sekadar yang tinggal di sebelah rumah kita, tetapi orang yang tinggal berdekatan dengan rumah kita sama ada di kanan, kiri, depan, belakang, tingkat atas, tingkat bawah hingga 40 buah rumah dari setiap sudut. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, pengarang telah memberi gambaran suasana sosiobudaya masyarakat yang hidup di kawasan apartment dimana semangat kejiranan yang ada dalam ahli komuniti amat lemah. Semangat kejiranan yang semakin lemah dan hampir pupus merupakan satu perkara yang amat membimbangkan dewasa ini;

“Jiran-jiran di sini hidup dalam kepompong masing-masing. Sehabis mesra dia dan jiran hanya mengangkat kening dan menyinggung senyum, kemudian berlalu pergi. Mereka masih tidak saling mengenali dan meraskan tidak ada keperluan untuk saling mengenali”
(S.M Zakir, 2020: 38)

Berdasarkan petikan tersebut, S.M Zakir cuba menyampaikan kepada pembaca bahawa semangat kejiranan boleh luntur bukan hanya melalui pergaduhan fizikal sahaja, sikap tidak mengambil tahu tentang keadaan jiran juga merupakan punca semangat kejiranan semakin pudar. Mengambil tahu tentang keadaan jiran bukan bermaksud menjaga tepi kain jiran, tetapi mengambil berat tentang masalah asas yang dihadapi oleh sesebuah keluarga iaitu jiran kita. Sebagaimana yang terdapat dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, masyarakat yang menghuni apartment tersebut mempunyai pelbagai jenis latar belakang manusia. Namun masyarakat di apartment tersebut sebenarnya tidak mengambil peduli antara satu sama lain. Jika setiap hari ada sahaja orang yang sering berjalan atau keluar bekerja dan balik untuk berehat di sekitar apartment tersebut, tetapi lama kelamaan tanpa disedari sosok tubuh yang selalu kelihatan akan hilang begitu sahaja. Kejiranan di sekeliling apartment itu sebenarnya tidak mempedulikan antara satu sama lain. Sebagai contoh jika jiran tersebut berpindah ataupun sakit malah jika jirannya meninggal dunia sekalipun kemungkinan ada diantara mereka tidak mengetahui. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Ya, pemuda itu masih berada dalam kedudukan yang sama – tidak bergerak dan pegun di hadapan komputer sepertimana sebelumnya. Dia melihat agak lama kepada suasana yang pegun, kaku dan senyap itu. Dia tertanya-tanya di dalam hati, apakah pemuda itu masih hidup dan bernya. Atau hanya jasadnya di situ sedang rohnya sudah melayang entah kemana. Dia juga tidak tahu sudah berapa lama pemuda ini tidak makan dan minum”.

(S.M Zakir, 2020: 91)

Berdasarkan petikan tersebut, watak Dia sering melihat jiran sebelah rumahnya yang merupakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sentiasa berada di hadapan komputer. Tetapi Dia tidak pernah menegur dan bertanya khabar berkenaan jirannya itu. Di sini jelas pengarang cuba menggambarkan sosiobudaya masyarakat dalam novel *Rumah Kupu-kupu* yang tidak mementingkan semangat kejiranan. Budaya ini tidak patut dipraktik dalam

kehidupan seharian kerana hidup dalam bermasyarakat ini perlu mengambil berat antara satu sama lain supaya kehidupan komuniti lebih bahagia dan harmoni.

Masyarakat Yang Kurang Berminat Membaca Buku Yang Serius dan Menikmati Seni Berfikir

Membaca adalah sesuatu yang senang dilakukan tetapi untuk menjadikannya satu budaya, ternyata sulit diamalkan. Taraf pendidikan yang tinggi belum tentu menjamin minat dan penghayatan budaya membaca yang tinggi walaupun aktiviti membaca diakui kepentingannya. Pelbagai kementerian budaya membaca telah dianjurkan tetapi tetap tidak mendapat jawapan yang memuaskan terhadap persoalan budaya membaca rakyat Malaysia. Kerajaan Malaysia juga telah banyak berusaha menganjurkan pelbagai kementerian seperti Bulan Membaca Kebangsaan yang melibatkan pelbagai institusi yang berkaitan seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia, bahkan pesta buku sama ada di Kuala Lumpur atau bandar-bandar besar aktif dianjurkan. Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia mendapati rakyat Malaysia membaca dua buah buku setahun, ianya merupakan satu kadar yang jauh masih rendah, dengan mengambil kira kadar pendidikan rakyat Malaysia yang semakin tinggi.

Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia tahun 2005 yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (2007) menunjukkan peningkatan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia kepada 8 hingga 12 buah buku setahun. Namun jika dibandingkan pula dengan Singapura, rakyatnya membaca 25 buah buku setahun, kadar membaca rakyat Malaysia masih lagi rendah. Walaupun terdapatnya lebih 20 buah IPTA dan kebanjiran IPTS di Malaysia, ianya tidak menjamin kelangsungan budaya membaca. Dalam *Rumah Kupu-kupu*, pengarang memberi gambaran masyarakat yang kurang berminat terhadap amalan membaca. Hal ini seharusnya menimbulkan kerisauan yang serius terhadap negara. Sesungguhnya, membaca dapat merangsang pemikiran yang cerdas di samping meningkatkan kualiti ilmu seseorang yang pastinya dapat memberi sumbangan kepada negara,

“Zaman yang kehidupan dibentuk oleh gajet dan komunikasi maya menjadikan masyarakat malas untuk bersusah payah menggunakan otak bagi tujuan membaca buku yang serius dan menikmati seni berfikir. Masyarakat mahukan sesuatu yang cepat, mudah, menghiburkan, dan tidak perlu berfikir”.

(S.M Zakir, 2020: 30)

Pengarang menyampaikan kepada pembaca bahawa masyarakat pada zaman ini sudah tidak berminat untuk menelaah buku-buku yang mempunyai nilai ilmu tinggi dan memerlukan seni berfikir yang serius. *Rumah Kupu-kupu* menampilkan watak Mustafa seorang penulis yang banyak menghasilkan karya sastera yang berilmu dengan selari dengan minatnya terhadap bahan bacaan yang berasas. Namun begitu, walaupun beliau dan pengkaryanya lain di negara dunia ketiga ini meneruskan minat dalam menghasilkan karya yang memerlukan seni berfikir aras tinggi untuk sajian masyarakat yang minat terhadap ilmu dan bahan bacaan. Pengarang novel *Rumah Kupu-kupu* jelas meluahkan rasa kecewa terhadap sosiobudaya masyarakat Malaysia terutama generasi muda yang semakin kurang berminat membaca.

Pengarang memperlihatkan generasi sekarang lebih gemar kepada program lawak jenaka, rancangan realiti hiburan, dan buku-buku cerita yang tidak memerlukan otak untuk berfikir dan menikmati seni. Budaya ini amat menjadi kebimbangan terutama untuk negara sendiri kerana ianya akan menghasilkan mutu produktif masyarakat yang tidak berkualiti dalam membangunkan negara pada masa akan datang. Oleh itu, kesedaran dalam memupuk

minat membaca perlu dipandang serius oleh semua pihak supaya budaya membaca dapat ditanam dalam diri setiap individu di Malaysia. Peredaran zaman yang menampilkan pelbagai kecanggihan alat teknologi tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak membaca. Perkara ini perlu diteliti dan dinilai dengan lebih bijak oleh setiap individu terutama para cerdik pandai untuk disampaikan kepada semua masyarakat berkenaan kelebihan membaca dan keburukan menggunakan teknologi secara tidak betul.

Masyarakat Bandar Yang Tenggelam Dengan Teknologi Moden

Kehidupan hari ini memperlihatkan perkembangan teknologi maklumat dan informasi (ICT) yang cukup pesat. Kemajuan negara dalam bidang ICT menyaksikan pelbagai maklumat disebarkan dan dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat. Ratusan ribu bahan yang disiarkan dalam bentuk permainan, video, filem, muzik, iklan, IPTV dan lain- lain dapat dimuat naik dan dimuat turun. Perkembangan teknologi yang begitu drastik merubah kehidupan dan wajah dunia. Pembangunan teknologi moden yang pesat tidak dinafikan membawa kepentingan yang besar. Teknologi moden turut membawa bersama media baru yang memainkan peranan yang sangat penting dalam era teknologi maklumat ini. Era globalisasi memiliki pengaruh yang kuat di setiap dimensi kehidupan masyarakat.

Media baru merupakan salah satu bentuk kemodenan teknologi informasi dan komunikasi. Peranan komunikasi sangat penting untuk menentukan penyampaian informasi. Sejalan dengan kemodenan teknologi komunikasi yang kian pesat, maka kaedah komunikasi juga turut mengalami fasa kemodenannya. Media Massa merupakan saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan berkomunikasi antara satu sama lain dalam dunia maya. Terdapat dua jenis media massa iaitu media elektronik dan media cetak. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan internet manakala media cetak pula merangkumi akhbar, majalah, buku dan sebagainya. Kini, media elektronik seperti internet merupakan saluran yang paling banyak digunakan oleh masyarakat untuk menyampaikan atau menerima maklumat berkaitan sesuatu isu. Hal ini disebabkan internet lebih cepat dan pantas dalam memberi atau menerima maklumat. Media juga menjadi pencetus minda masyarakat kita ke arah lebih kreatif dan kritis.

Media massa juga banyak memberi perkembangan dan maklumat kepada masyarakat terutamanya berkaitan hal ehwal semasa, berita luar mahupun dalam negara. Media juga turut memberi manfaat kepada perkembangan pendidikan masa kini. Namun dalam masa yang sama media massa juga mungkin menyumbang ke arah kesan negatif. Menurut Wan Norina W.H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed, Y., dan Ahmad Arifin, S. (2013), salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan dalam negara.

Dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, pengarang cuba menterjemahkan situasi di mana perkembangan teknologi yang berlaku berlaku dalam kehidupan yang memberi kesan kepada keperibadian seseorang. Dalam arus pemodenan yang berlaku di setiap negara pada zaman ini, gaya hidup seseorang boleh berubah dari kebiasaan. Perkara ini kebiasaannya berlaku di kawasan perbandaran yang mana kemajuan semakin berkembang dan manusia perlu mengikut arus pemodenan yang berlaku. Jika kemajuan berlaku di sesuatu tempat atau negara, ianya sangat membantu individu atau masyarakat dalam menjalankan kehidupan mereka masing-masing. Namun, mungkin sedikit demi sedikit budaya kebiasaan yang diamalkan akan berubah mengikut arus kemodenan yang berlaku. Dalam novel yang dikaji, terdapat pelbagai sosiobudaya yang berlaku dari aspek keperibadian berkaitan pemodenan sepertimana yang terdapat dalam novel *Rumah Kupu-kupu*. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, pengarang ada menyelitkan watak-watak yang tenggelam melayari internet ataupun media massa dalam

kehidupan seharian. Disebabkan arus kemodenan yang berlaku pada dunia sekarang, kebanyakan individu sudah mempunyai akaun masing-masing untuk berkomunikasi melalui alam maya. Sebagai contoh yang terdapat dalam petikan teks tersebut:

“Dia membuka laman sosial dan mula memasuki dunia Matrix. Tubuhnya seperti terenjat masuk ke dalam dunia maya yang bertukar menjadi dunia kehidupan manusia. Status-status laman sosial digulung turun satu persatu. Pelbagai cerita, komentar, tuduhan keras, berita, diari peribadi, gambar makanan, gambar pelbagai macam, swafoto, dan segala-biasan pengalaman disumbat masuk menjadi satu dunia yang meriah, tetapi sering juga menjadi tempat berbalah, bertengkar, memaki hamun, mencarut dan segala-galanya”.

(S.M Zakir, 2020: 10-11)

Berdasarkan petikan teks tersebut, pengarang cuba menggambarkan melalui watak dalam novel ini bahawa watak Dia merupakan salah seorang yang menggunakan teknologi perhubungan alam maya atau media massa. Diceritakan dalam novel ini, semasa Dia membuka laman sosial, pelbagai benda dapat dilihat hanya dengan berada di hadapan skrin komputer. Pelbagai jenis gambar dimuat naik ke dalam akaun media sosial yang mana terdapat komen-komen yang positif mahupun negatif. Jika sesuatu perkara dimuat naik dan mendapat perhatian yang positif, ianya tidak menjadi masalah. Akan tetapi jika sesuatu perkara dimuat naik dan mendapat kecaman atau tindak balas yang negatif, ianya boleh membawa kepada perbalahan dan yang lebih buruk lagi boleh menimbulkan fitnah antara satu sama lain.

Teknologi moden boleh digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Kemodenan teknologi ini dilihat antara budaya yang menjadi perhatian oleh masyarakat Malaysia terutama golongan remaja dan pelajar sepertimana yang terdapat dalam petikan teks di bawah:

“Dia melihat seorang pelajar lelaki yang selalu dilihatnya, penghuni apartment dengan pintu terbuka itu duduk menghadap komputer”.

(S.M Zakir, 2020: 80)

Berdasarkan situasi di atas, pengarang menggambarkan terdapat watak dalam novel ini yang cenderung kearah penggunaan media massa. Watak Dia melihat jirannya iaitu pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang tinggal di apartment yang sama sering menghadap komputer. Kemungkinan pelajar tersebut menghadap komputer untuk menyiapkan tugas pelajarannya ataupun melayari internet. Melayari laman web merupakan aktiviti yang paling digemari oleh pelajar-pelajar di sesebuah institusi pengajian dengan bertujuan untuk bersantai. Pelajar kebiasaannya menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai. Laman web untuk bersantai ini termasuk lah laman web sosial seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya. Namun apa yang penting, penggunaan teknologi moden media massa ini diharap dapat memberi kesan yang positif terhadap keperibadian masyarakat Malaysia. Jelaslah bahawa budaya menggunakan media massa terdapat pada watak dalam novel *Rumah Kupu-kupu* yang mana modenisasi ini telah mempengaruhi keperibadian seseorang individu.

Pembelian atau transaksi secara atas talian merupakan budaya masyarakat masa kini semenjak pemodenan teknologi berkembang dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Barangan dan perkhidmatan yang dijual secara atas talian menggunakan pelbagai saluran seperti media sosial facebook, twitter, instagram, laman sesawang web dan diiklankan di dalam blog individu atau kumpulan tertentu. Tujuan utamanya adalah untuk menarik minat pengguna melayari dan membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh peniaga. Tambahan pula, pembelian melalui internet telah dipermudahkan lagi dengan pembayaran elektronik melalui

perbankan dalam talian atau kad kredit. Menurut Laporan Ekonomi (2014), peningkatan jumlah pesanan secara dalam talian menggambarkan potensi pasaran yang luas untuk perniagaan dalam talian. Laporan turut menyebut bahawa rakyat Malaysia semakin banyak menghabiskan masa dengan melayari internet yang mana terdapat pelbagai medium pembelian atau pesanan makanan yang boleh dilakukan.

Jika dibandingkan media lain seperti televisyen, radio dan surat khabar ianya tidak terlalu luas atau terbuka untuk seseorang meneroka pemodenan yang terhasil pada masa kini. Selain itu, kadar penembusan rangkaian sosial pula adalah sebanyak 91 peratus dengan satu daripada tiga minit yang digunakan dalam talian adalah untuk rangkaian sosial. Laporan turut mendedahkan bahawa 11.8 juta rakyat Malaysia dianggarkan mempunyai akaun Facebook dengan lebih 80 peratus melayari internet untuk mengakses Facebook Laporan Ekonomi (2014). Hal ini kerana di medium Facebook juga terdapat ramai rakyat Malaysia yang menyediakan perkhidmatan pesanan makanan yang boleh dihantar terus ke rumah.

Kebanyakan kajian juga cuba untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian secara atas talian dengan menumpukan kepada faktor-faktor yang berbeza dengan cara yang berbeza (Li and Zhang, 2002). Menurut Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah di Malaysia (2013) terdapat tiga sebab utama pengguna internet tidak membeli atau membuat pesanan barangan atau perkhidmatan melalui internet adalah kerana tidak berminat (69.5%), lebih berminat membeli di kedai biasa (49.1%) dan kurang pengetahuan atau kemahiran (41.8%). Keselamatan bagi transaksi atas talian juga merupakan faktor masyarakat takut untuk membeli secara atas talian. Walaupun bagaimanapun, teknologi seta pemodenan yang berlaku seolah-olah memudahkan urusan yang sebelum ini sukar (Elliot dan Fowell, 2000; Liao dan Cheung, 2001). Para pengguna bimbang untuk mendedahkan maklumat kewangan dan maklumat peribadi mereka.

Selain itu, aspek mengenai polisi keselamatan dan kebolehpercayaan syarikat merupakan aspek penting yang ditekankan semasa melakukan pembelian secara atas talian (Gefen, 2000). Para pengguna bimbang untuk mendedahkan maklumat kewangan dan maklumat peribadi mereka. Walaupun kebanyakan laman sesawang pembelian atas talian menyediakan polisi perlindungan maklumat peribadi dan menjamin keselamatan urusan niaga, namun mereka tidak menjelaskan secara terperinci mengenai bagaimana transaksi dan data peribadi akan dilindungi (Elliot dan Fowell, 2000). Di samping itu, aspek risiko (produk dan transaksi) juga merupakan topik yang sering dikaji (Chang, Cheung dan Lai, 2005). Individu yang menjauhi pembelian atas talian adalah kerana mereka lebih prihatin dengan kepuasan semasa pembelian (Chang, Cheung dan Lai, 2005). Selain daripada itu juga, faktor pengalaman pengguna turut dipertimbangkan dalam pembuatan keputusan pembelian secara atas talian (Hoffman, Novak dan Peralta, 1999).

Dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, budaya pembelian secara atas talian diperlihatkan menerusi watak Dia. Budaya ini diterjemahkan oleh pengarang kerana ianya dianggap budaya baru pada zaman negara menuju kearah pemodenan dan serba canggih dari pelbagai aspek. Hal ini dapat dilihat sepertimana yang terdapat dalam petikan teks tersebut:

“Perutnya telah diisi dengan pizza yang dipesannya, dan dihantar terus ke kediamannya. Sehari ini jika dia malas keluar dan sibuk menyiapkan kerja-kerja di komputer, dia lebih senang memesan pizza. Seringkali juga dia memesan makanan melalui khidmat penghantaran makanan dalam talian, tetapi adakala makanan yang dipesan tidak menepati seleranya”.

(S.M Zakir, 2020: 27-28)

Berdasarkan petikan teks tersebut dapat dilihat bahawa budaya baru iaitu menggunakan perkhidmatan atas talian berlaku dalam kalangan masyarakat. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu* watak Dia merupakan seorang pereka grafik yang mana waktu bekerja banyak dihabiskan di rumah. Jika Dia merasa malas untuk keluar membeli makanan, Dia akan melakukan pesanan makanan melalui perkhidmatan atas talian. Namun dalam membuat pesanan atas talian, terdapat kelebihan dan kekurangan yang akan dihadapi. Kelebihannya ialah dapat menjimatkan masa dan tenaga tanpa perlu keluar dari rumah untuk mendapatkan makanan. Kekurangannya pula adalah makanan yang dipesan tersebut tidak menepati citarasa. Hal ini kerana dalam membuat pesanan makanan secara atas talian, aplikasi yang menawarkan perkhidmatan tersebut akan memaparkan gambar makanan yang menarik. Namun makanan yang sampai tidak seindah yang dipaparkan. Selain itu, pemodenan yang berlaku memperlihatkan budaya baru dimana perkhidmatan lain juga turut berkembang. Selain pesanan makanan atas talian, pelbagai perkhidmatan lagi yang ada serta medium untuk berinteraksi secara maya. Antara perkhidmatan seperti membayar pelbagai bil seperti elektrik, bil air, bil Astro dan sebagainya merupakan antara perkhidmatan atas talian yang disediakan pada era pemodenan teknologi ini. Hal ini dapat dilihat melalui petikan teks tersebut:

“Semua urusan dilakukan dalam talian, membayar bil, menguruskan keperluan, menjana pendapatan, malah bersosial, berdakwah dan berdoa kepada Tuhan. Dunia nyata telah berbalik, dari kehidupan yang bergerak secara fizikal kepada kehidupan yang bergerak melalui jiwa fikiran yang memerosok di dalam talian maya”.

(S.M Zakir, 2020: 83)

Berdasarkan petikan teks tersebut, pelbagai benda boleh dilakukan hanya di hujung jari. Pelbagai perkhidmatan dan medium sosial tersedia. Budaya baru ini bermula semenjak kemodenan dan kemajuan teknologi berlaku. Urusan pembayaran bil-bil rumah tidak perlu lagi keluar dan beratur panjang seperti sebelum ini. Aplikasi pembayaran secara atas talian telah ada dan hanya perlu melakukan transaksi secara “*Online*”. Selain transaksi dan pembayaran bil secara atas talian, budaya baru yang dapat dilihat dalam novel *Rumah Kupu-kupu* ialah penggunaan perkhidmatan kereta penumpang atas talian. Hal ini dapat dilihat sepertimana dalam petikan teks di bawah:

“Ketika dia sedang menunggu kereta penumpang dalam talian, dia melihat seorang gadis membawa sebuah beg besar juga menunggu kenderaan mengambilnya. Mereka sama-sama menunggu kereta penumpang dalam talian. Sebuah kereta berhenti. Dia melihat telefon. Gadis itu juga melihat telefonnya. Sama-sama ingin memastikan bahawa itu kereta penumpang dalam talian yang mereka tunggu”.

(S.M Zakir, 2020: 120)

Berdasarkan petikan teks tersebut, budaya baru iaitu menggunakan perkhidmatan kereta penumpang dalam talian telah diceritakan dalam novel *Rumah Kupu-kupu*. Pengarang menggunakan pengalaman beliau tinggal di bandar dalam mengolah idea dimana budaya baru merangkumi pelbagai aspek pada masa kini termasuk penggunaan perkhidmatan kereta penumpang dalam talian. Dalam teks tersebut, watak Dia sedang menunggu kereta penumpang dalam talian sampai sambil melihat telefon. Hal ini kerana pelanggan yang menggunakan perkhidmatan kereta penumpang dalam talian dapat mengesan kereta mana yang mereka akan naik. Perkara ini memudahkan pelanggan mengenalpasti kereta yang mereka tempah dan tidak tertukar dengan kereta orang lain.

Teknologi adalah kaedah yang bagus yang harus dipakai oleh pemandu kereta penumpang dalam talian. Menggunakan teknologi seperti e-hailing memudahkan orang ramai kerana kebanyakan mereka tidak mahu lagi tahan atau menunggu teksi di tepi jalan. Budaya berkenaan sudah berkurangan kerana pengguna lebih selesa membuat tempahan menerusi dalam talian seterusnya mengetahui senarai harga yang ditetapkan sebelum bersetuju menggunakan perkhidmatan teksi itu. Jika masih lagi menggunakan cara tradisional pasti pemandu kereta penumpang dalam talian seperti teksi ketinggalan dan masyarakat akan memilih perkhidmatan yang paling mudah Grab yang mudah mendapatkan pelanggan menerusi tempahan dalam talian.

Jelaslah bahawa budaya baru iaitu menggunakan perkhidmatan kereta penumpang dalam talian digambarkan oleh pengarang dalam novel *Rumah Kupu-kupu*. Kemodenan terhadap negara sangat memberi kesan terhadap seseorang individu dimana ianya akan memudahkan urusan berbanding zaman sebelum ini yang tidak mempunyai sebarang teknologi yang canggih.

Masyarakat Yang Terhimpit Dengan Kos Sara Hidup dan Cabaran Ekonomi

Setiap negara mempunyai masalah ekonomi yang melanda negara masing-masing. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang mendorong pergerakan ekonomi sesebuah negara menjadi perlahan seterusnya memberi kesan kepada masyarakat negara itu sendiri. Jika dilihat pada era krisis wabak Covid-19 ini, ekonomi negara Malaysia dilihat berada dalam keadaan agak lemah jika dibandingkan dengan krisis ekonomi yang melanda negara pada pertengahan tahun 1980-an, awal tahun 1990-an, tahun 1997, tahun 2001 dan 2008.

Dalam kegawatan ekonomi ini, ramai masyarakat yang telah hilang pekerjaan kerana pelbagai sektor ekonomi telah banyak ditutup. Sebagai contoh, jika sebuah pusat membeli belah ditutup kerana kurangnya pengunjung untuk datang membeli, lama kelamaan kedai di dalam pusat membeli belah itu tidak mampu untuk beroperasi lagi akibat kekurangan pelanggan tetapi sewa kedai dan gaji pekerja perlu dibayar. Hal ini menyebabkan ramai akan kehilangan pekerjaan dan ini akan menyebabkan masyarakat mengalami tekanan ekonomi dalam kehidupan mereka. Ekonomi yang buruk dalam sesebuah negara juga pasti akan memberi kesan kepada harga barangan keperluan seharian masyarakat seperti makanan, perkhidmatan, barangan elektrik dan sebagainya. Hal ini akan memberi tekanan kepada isi rumah terutama suami yang berpendapatan rendah dan perlu menanggung bilangan ahli keluarga yang ramai. Sebagai contoh keadaan masyarakat yang mengalami masalah ekonomi sepertimana yang terdapat dalam petikan teks di bawah:

“Kamu tentu tahu bahwa keadaan ekonomi sekarang tidak menentu. Harga barang-barang naik, petrol, bil-bil, dan segalanya menambahkan perbelanjaan setiap bulan. Memang dia telah menyelesaikan segala hutang piutang bank yang besar seperti rumah dan kereta. Tetapi keadaan ekonomi yang sangat teruk sekarang membuatkan pendapatan dan kehidupan yang selesa dahulu menjadi tidak lagi selesa, malah terhimpit”.

(S.M Zakir, 2020: 45)

Pengarang cuba memberi gambaran berkenaan sosiobudaya masyarakat yang mengalami masalah ekonomi dalam keluarga. Dalam teks tersebut isteri kepada Mustafa telah meluahkan kepada Dia yang juga rakan kepada Mustafa berkenaan situasi ekonomi yang melanda keluarga Mustafa. Mustafa merupakan seorang penulis dan pendapatannya banyak melalui hasil karyanya yang dijual. Pendapatan tersebut dapat membantu keluarga Mustafa menampung kehidupan mereka sekeluarga malah hampir kesemua hutang bank yang besar telah diselesaikan oleh Mustafa. Tetapi isteri Mustafa menceritakan kepada Dia bahawa keadaan

ekonomi yang tidak menentu sekarang ini menjadikan keluarga mereka yang dahulunya hidup dalam keadaan selesa tetapi sekarang kurang selesa kerana dihimpit dengan ekonomi yang kurang stabil.

Rumah Kupu-kupu memperlihatkan budaya masyarakat yang terhimpit dengan ekonomi yang tidak menentu. Kebimbangan masyarakat terhadap ekonomi yang tidak menentu merupakan antara kebimbangan yang sangat besar dalam proses untuk meneruskan kehidupan seharian. Mungkin orang yang berpendapatan tinggi tidak terjejas dengan perkara ini, namun masyarakat yang hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang akan merasakan perkara ini sangat berat untuk dipukul. Perancangan yang baik terutama daripada pihak kerajaan perlu diambil serius untuk menjaga kebajikan masyarakat jika krisis ekonomi melanda sesebuah negara.

Masyarakat Yang Tidak Menjaga hak bersama dan Kebersihan Alam sekitar

Sikap masyarakat yang bertanggungjawab merupakan sikap yang patut ada dalam diri setiap masyarakat. Terdapat pelbagai jenis tanggungjawab yang ada antaranya tanggungjawab sosial. Tanggungjawab adalah komitmen moral atau tugas yang dikaitkan dengan tindakan atau situasi. Manakala sosial pula adalah yang berkaitan dengan masyarakat komuniti yang berkongsi budaya. Konsep tanggungjawab sosial oleh itu merujuk kepada kewajipan atau beban yang ditanggung ahli masyarakat mengenai ahli atau kumpulan lain secara keseluruhan.

Hidup dalam bermasyarakat ini haruslah saling bertanggungjawab tidak kira dari segi apa sekalipun. Hal ini bertujuan untuk mencapai tahap keharmonian yang paling tinggi dalam komuniti masyarakat. Jika seseorang ahli masyarakat tersebut melanggar peraturan atau tidak peka terhadap keadaan sekeliling, ianya akan memberi kesan yang negatif terhadap ahli masyarakat yang lain. Perkara ini sudah pasti akan memberi impak yang buruk terhadap komuniti dan akan menjejaskan keharmonian serta keamanan sejagat. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu*, pengarang ada menyelitkan gambaran masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Sikap ini mungkin dapat ditafsir oleh pembaca untuk dijadikan pengajaran supaya perkara sebegini tidak patut dilakukan yang mana ia boleh memberi kesan buruk terhadap masyarakat sekeliling. Sebagai contoh, situasi tersebut dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

“Tali yang direntang sudah terurai jatuh ke bawah. Larangan telah dilanggar sewenang-wenangnya. Dia melangkah melihat ke arah pokok kecil yang digayuti sarang lebah yang besar meluyut itu”.

(S.M Zakir, 2020: 73)

Berdasarkan petikan, pengarang menggambarkan tentang masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap komuniti setempat. Kawasan larangan yang mana jelas tidak boleh dilalui oleh orang awam kerana boleh mendatangkan bahaya kepada orang lain telah dilanggar oleh masyarakat di situ. Watak Aku telah melalui jalan tersebut yang mana merupakan sebahagian daripada kawasan beliau selalu beriadah untuk bersenam pada setiap pagi atau petang waktu hujung minggu. Beliau telah melihat tali yang direntang oleh pihak bertanggungjawab supaya tidak melalui kawasan tersebut tidak dihiraukan malah telah jatuh terurai. Kawasan tersebut merupakan kawasan yang mempunyai sarang lebah. Sarang lebah boleh mendatangkan bahaya kepada manusia jika mempunyai lebah di dalamnya. Jika seseorang itu diserang sekumpulan lebah, kemungkinan seseorang itu boleh mengalami kecederaan yang parah dan yang lebih teruk lagi dapat menyebabkan kematian. Jelaslah bahawa sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab ini dapat dilihat dalam novel *Rumah*

Kupu-kupu yang digambarkan oleh pengarang dengan menyelitkan contoh atau perilaku masyarakat yang menjurus ke arah negatif dan tidak patut dijadikan contoh.

Kesimpulan

Melalui novel *Rumah Kupu-kupu* pengarang memberi gambaran sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat bandar khususnya di Lembah Kelang. Perspektif sosiologi dan budaya ini dikuatkan lagi dengan gambaran pengarang mengenai sosiobudaya kehidupan urban masyarakat di mana penduduknya hidup di dalam pangsapuri (*apartment*). Melalui *Rumah Kupu-kupu* S.M Zakir cuba menyelongkar apa yang berlaku dalam masyarakat bandar yang tinggal di apartment. Apa yang digambarkan perlu dilihat dalam konteks tempat, pandangan hidup dan masyarakat yang menetap di kawasan bandar. Jika kita melihat masyarakat bandar, budaya dan perlakuan sangat berbeza dengan masyarakat luar bandar. Masyarakat bandar kebiasaannya kurang dari segi hubungan silaturrahim antara jiran tetangga. Hal ini kerana segelintir masyarakat bandar yang mempunyai kerjaya tidak mempunyai masa untuk bersapa antara satu sama lain terhadap komuniti jiran sekeliling. Perkara ini berbeza dengan budaya masyarakat luar bandar yang mana dilihat lebih harmoni dari segi hubungan antara masyarakat sekeliling.

Menyentuh perbincangan aspek sosiobudaya, jelas novel *Rumah Kupu-kupu* ini amat memberatkan mengenai masyarakat yang hidup di apartment dan membuat hal masing-masing. Watak Dia merupakan antara ahli masyarakat yang tinggal di apartment yang mana kurang sifat permuafakatan dan musyawarah melalui kerjasama dan nilai tanggungjawab sosial dalam masyarakat yang digambarkan oleh pengarang. Dalam membincangkan aspek sosiobudaya, kebudayaan sesuatu masyarakat itu akan diambil kira sebagai lambang kepada kewujudan bangsa yang mengisi masyarakat yang lebih global.

Dalam aspek sosiobudaya masyarakat kita diperlihatkan oleh pengarang tentang tingkah laku masyarakat bandaran yang tinggal di apartment. Secara keseluruhannya pengarang membentuk sosiobudaya masyarakat berdasarkan situasi realiti masyarakat bandar pada masa kini dalam melahirkan idea-idea yang digarapkan dalam novel ini. Dalam novel *Rumah Kupu-kupu* memperlihatkan sosiobudaya masyarakat yang tinggal di apartment dimana semangat kejiranan semakin pudar dalam kalangan komuniti tersebut. Pelbagai watak dimainkan dalam menggambarkan suasana masyarakat bandar yang bersifat individualisme sebagaimana dikarang oleh S.M Zakir dalam karyanya ini.

Dalam aspek kemodenan dan kesan terhadap keperibadian pula memperlihatkan masyarakat yang hidup dalam era teknologi moden dalam karya ini. Kemodenan yang berlaku sedikit sebanyak memberi kesan perubahan budaya masyarakat jika dibandingkan dengan zaman sebelum negara mencapai tahap kemajuan. Walaupun Malaysia merupakan negara sedang membangun, pengarang menggunakan latar tempat negara ini untuk memperlihatkan kepada pembaca bahawa Malaysia setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

Hubungan yang rapat di antara sastera dengan masyarakat tidak dapat dinafikan. Pendekatan sosiologi yang digunakan pada kajian ini membuktikan kenyataan ini. Pengarang tidak dapat lari daripada menggarap hasil karyanya yang bersumberkan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat kerana pengarang juga adalah ahli masyarakat. Maka karya-karya yang terhasil seperti novel ini secara tidak langsung memberi pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat.

Pengarang melihat bagaimana persoalan-persoalan yang wujud dalam masyarakat dan mengadaptasinya semula melalui karya-karya. Pengarang dengan kreatif mengolah fenomena sosial yang wujud dalam masyarakat melalui jalan ceritanya yang menarik dan menyedarkan audiens. Persoalan-persoalan semasa dan yang bersifat sejagat menjadi bahan pengarang untuk

berkarya. Pengarang cuba sedaya mungkin memberikan kepuasan kepada pembaca apabila menatap karya-karyanya.

Realiti masyarakat yang hidup di bandar dilingkari oleh pelbagai status seperti kaum, umur, tingkahlaku dan sebagainya. Sosiologi membawa perspektif yang tersendiri tentang masyarakat dan tingkahlaku sosial. Perspektif sosial juga mengundang kita melihat persekitaran masyarakat yang berlainan dari kebiasaan, maka kita akan mempunyai definisi sosial yang berlainan. Sosiologi mengizinkan kita mengakui dan menghormati sudut pandangan yang berlainan jika dibandingkan dengan sudut pandangan kita sendiri. Dalam hal ini juga kita dapat memahami bagaimana pandangan yang berlainan itu boleh lahir. Dalam proses ini, kita akan memahami diri kita sendiri, sikap dan kehidupan kita dengan lebih mudah.

Kesimpulannya, kesusasteraan sebagai suatu institusi sosial dalam sesuatu zaman yang mana mencerminkan perhubungan yang erat antara masyarakat dan kesusasteraan. Perkara ini memperlihatkan menggambarkan aktiviti-aktiviti sosiobudaya masyarakat. Demikianlah jika kesusasteraan itu dikaji sebagai dokumen-dokumen sosial, maka antara lain gambaran yang diberikan ialah mengenai sesuatu fenomena yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Jelaslah bahawa kesusasteraan itu bukan sahaja merupakan suatu ceminan masyarakat dalam cara hubungan yang langsung tetapi juga secara tidak langsung.

RUJUKAN

- Chang M.K., Cheung W., dan Lai V.S. 2005. Literature derived reference models for the adoption of online shopping. *Information and Management*, 42(4), 543-559.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. 2003, *Kuala Lumpur Structure Plan*. Kuala Lumpur: DBKL.
- Elliot, S. dan Fowell, S. 2000. Expectations versus reality: a snapshot of consumer experiences with internet retailing. *International Journal of Information Management* 20(5), 323-336
- Gefen, D. 2000. E-commerce: The role of familiarity and trust. *Omega*, 28(6), 725-737
- Hoffman, D. L., Novak, T. P., dan Peralta, M. 1999. Building consumer trust online. *Communications of the ACM*, 42(4), 80-5.
- Jamalia Hassan. 1991. Citra masyarakat dalam novel-novel penulis wanita mutakhir. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan Ekonomi 2014. Dimuat turun pada 2 Jun 2021 dari laman web <http://www.treasury.gov.my>
- Laporan Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah di Malaysia, 2013. Dimuat turun pada 2 Jun 2021 dari laman web <http://www.statistic.gov.my>
- Li, N. dan Zhang, P. 2002. Consumer online shopping attitudes and behavior: an assessment of research. *Eighth Americas Conference on Information Systems*, 508-517.
- Liao, Z. and Cheung, M. T., 2001. Internet-based e-shopping and consumer attitudes: An empirical study. *Information and Management*, 38 (5), 299-306.
- Perpustakaan Negara Malaysia 2007. *Profil Membaca Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: PNM
- Rahisham Zaid Ramli. 2001. Novel-novel Ali Jusoh analisis sosiologi suami, trisula dan belahan mimpi. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schaefer R.T. 2005. *Sociology 9th (Ed)*. New York: McGraw Hill Higher Education
- Laurenson, D dan Swingewood, A. 1972. *The Sociology of Literature*. London : Granada Publishing Limited.
- Syed Mohd Zakir. 2020. *Rumah Kupu-kupu*. Kuala Lumpur: Nusa Centre.

Wan Norina W.H.,Zaharah,H.,Ahmad, F.,Mohamed ,Y., & Ahmad Arifin,S. 2013. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar islam politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. Januari 2013, Vol.1 , Issue 1.

Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ho Hui Ling, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd Yusof & NazriMuslim. 2017. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar.

Biodata Penulis:

Che Abdullah Che Ya merupakan pensyarah kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu dalam bidang teori dan kritikan sastera. Penyelidikan beliau tentang sastera poltik.

Nik Khairul Akmar Nik Yeh merupakan alumnei Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Sekarang Bertugas di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan, Cawangan Gua Musang.